

Mahathir arah guru2 rendah jangan abai murid lemah

MENTERI Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad, mengarahkan guru-guru sekolah rendah, terutama yang mengajar darjah lima, menumpukan perhatian sama berat kepada setiap murid dan tidak menumpukan penuh masa kepada satu-satu darjah atau sebilangan kecil murid saja yang dianggap berpotensi untuk ke sekolah asrama penuh.

Beliau menegaskan pihak sekolah tidak berlaku adil kepada murid-murid kiranya kelas-kelas yang tidak begitu maju diberi perhatian kurang berbanding dengan kelas yang diharapkan mengeluarkan bakal-bakal calon ke sekolah asrama penuh.

Katanya tujuan utama pelajaran sekolah rendah bukan untuk mengisi tempat di sekolah-sekolah berasrama penuh tetapi untuk menyediakan asas cukup bagi semua murid mengikuti pelajaran sekolah menengah.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika merasmikan bangunan Sekolah Kebangsaan Junjung pagi tadi.

Katanya: "Saya berharap semua guru sama ada di sekolah rendah mahupun sekolah menengah menyedari tujuan dan matlamat sebenar sekolah masing-masing.

Tujuan

"Tujuan utama pelajaran sekolah rendah bukan untuk mengisi tempat di sekolah berasrama penuh saja tetapi menyediakan asas cukup bagi semua murid untuk mengikuti pelajaran di sekolah menengah dengan kejayaan, tidak kira jenis sekolah menengah itu.

KULIM, Isnin.

Beliau berkata dasar ini sedang mengeluarkan hasil menggalakkan dan buktinya ialah tiga suku pelajar di universiti-universiti negara ini berasal dari luarbandar.

Dr. Mahathir menyempatkan peranan masing-masing bagi menjayakan matlamat dasar itu dan tidak menyalahgunakan segala tanggungjawab kepada Kerajaan.

"Sikap memulangkan segala tanggungjawab untuk memajukan negara kepada Kerajaan

semata-mata tidak wajar dalam sebuah negara yang akan merdeka," katanya.

Menurutnya sumbangan ibubapa kepada negara ialah menentukan setiap anak mereka mencapai kemajuan berpatutan dalam pelajaran.

Dr. Mahathir berkata Kerajaan memberi perhatian berat kepada bidang pelajaran dan sebagai usaha dijalankan untuk memajukan mutu pelajaran dengan peruntukan kewangan terbesar dari Belanja

"Sekolah-sekolah menengah lain (tidak berasrama penuh) juga boleh mencapai kejayaan tinggi jika murid-muridnya rajin dan mempunyai asas yang cukup di waktu sekolah rendah."

Dr. Mahathir berkata pelajaran sebagai alat terpenting dalam kehidupan manusia menjadi asas bagi kejayaan Dasar Ekonomi Baru negara yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum.

Bagi tujuan itu, katanya, kegiatan ekonomi moden mesti sampai kepada orang-orang di luarbandar supaya setiap kaum di negara ini sama-sama menikmati faedah pembangunan.